

# 10

## *Kajian Pengajaran: Penggunaan 'Petak' dalam Kemahaman Membaca*

**Muhammad Firdaus Rahmat**

muhammad\_firdaus\_rahmat@moe.edu.sg

Sekolah Menengah First Toa Payoh

### *Abstrak*

Para guru bahasa Melayu dari Sekolah Menengah First Toa Payoh dan Sekolah Anglo-Chinese (Barker Rd) telah mendapati bahawa pelajar-pelajar Bahasa Melayu menengah satu sering kali menghadapi masalah dalam mentafsir kosa kata dalam teks bacaan mereka. Justeru, sebuah kumpulan kajian pengajaran telah dibentuk untuk menangani masalah tersebut. Satu bentuk teknik mentafsir kosa kata sukar telah dibentuk berdasarkan Petanda Kontekstual (PetaK). PetaK boleh dicirikan dalam 3 bentuk yakni Imbuan, Makna kata-kata di sekitar kosa kata sukar itu dan sebab dan akibat (IMSak). Ketiga-tiga ciri PetaK ini boleh dicari secara berperingkat dalam Piramid PetaK. Kajian ini melibatkan para pelajar Menengah Satu Ekspres di kedua-dua buah sekolah. Setelah menggabungkan teknik mentafsir kosa kata sukar ini dengan kaedah pengajaran yang interaktif dan menarik, para pelajar lebih mudah mengerti maksud kata-kata yang ditemui dalam pembacaan mereka. Teknik ini juga amat membantu pelajar dalam menjawab Kertas 2 Peperiksaan Bahasa Melayu, komponen Pemahaman Subjektif.

Kata Kunci: mentafsir, kosa kata, bacaan, petanda kontekstual, pemahaman subjektif, pemahaman, petak, imsak, piramid petak



## PENGENALAN

Pelajar bahasa Melayu sering mengeluh setiap kali diminta membaca bahan bacaan bahasa Melayu. Antara faktor utama yang menghambat minat membaca dalam kalangan pelajar Melayu ialah kesulitan mentafsir kosa kata dalam teks bacaan mereka. Justeru, satu bentuk teknik mentafsir kosa kata sukar perlu dibentuk untuk membantu para pelajar bahasa Melayu mentafsir apa jua kosa kata yang dijumpai dalam semua bentuk wacana bertulis.

Saranan oleh Dan Kurland, Mohammed Rhalmi dan Allen J. (2000) dicerakin dan akhirnya terbentuk sebuah teknik yang berdasarkan Petanda Kontekstual (PetaK). PetaK boleh dicirikan dalam 3 bentuk yakni Imbuhan, Makna Kata-kata di Sekitar Kosa kata Sukar itu dan Sebab dan Akibat (IMSak). Ketiga-tiga ciri PetaK ini boleh dicari secara berperingkat dalam Piramid PetaK. Kajian ini melibatkan para pelajar Menengah Satu Ekspres. Penggabungjalinan teknik PetaK dengan kaedah pengajaran yang interaktif dan menarik dilakukan demi memudahkan para pelajar mengerti konsep PetaK dan dapat membantu dalam pembacaan mereka. Teknik ini juga bertujuan untuk membantu dalam Kertas 2 Peperiksaan Bahasa Melayu, komponen Pemahaman Subjektif.

## PERNYATAAN MASALAH

Bacaan merupakan salah satu cara yang berkesan dalam penguasaan sesuatu bahasa. Selain menghayati isi kandungan teks bacaan tersebut, para pembaca akan menyerap kata dan peraturan tatabahasa ke dalam minda mereka secara tidak langsung dan sekali gus meningkatkan penguasaan bahasa mereka. Namun, bagi para pembaca awal, hambatan utama dalam pembacaan mereka ialah mengetahui makna kosa kata yang dijumpai dalam bacaan mereka. Golongan pelajar khususnya, seringkali disuruh merujuk kepada kamus oleh guru-guru setiap kali berhadapan dengan masalah tersebut. Langkah ini mungkin berkesan pada peringkat permulaan tetapi seseorang pelajar itu tidak boleh bergantung kepada kamus setiap masa. Lama-kelamaan, apabila pelajar seringkali mengalami kegenjotan dalam pembacaan mereka, akan timbul rasa kurang minat untuk meneruskan bacaan mereka.

Sekiranya kendala ini berlarutan, sifat malas membaca boleh bercambah dalam



diri para pelajar. Justeru, amatlah mustahak bagi para guru, khususnya, untuk mengkaji dan mencari teknik-teknik yang dapat membantu pelajar mentafsir makna-makna kosa kata yang ditemui dalam pelbagai jenis teks.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. membentuk satu teknik bagi memudahkan para pelajar mentafsir makna kosa kata dalam teks Pemahaman Subjektif;
2. menguji keberkesanan pendekatan PetaK yang disarankan oleh Mohammed Rhalmi (2013) dan Allen J. (1999) dalam mentafsir kosa kata dalam pembacaan; dan
3. membantu para pelajar mentafsir kosa kata dalam pelbagai wacana bertulis yang dibaca.

## KAJIAN LEPAS

Dan Kurland (2000) dalam artikel mayanya yang berjudul, '*Inference: Reading Ideas as Well as Words*', menyebut bahawa pemahaman sesebuah wacana itu dimungkinkan dengan cara menafsir atau membuat inferens. Para pembaca memahami idea yang cuba disampaikan penulis dengan mentafsir, bukan dengan mencari makna. Sesuatu pembacaan itu merupakan satu proses yang aktif, reflektif dan bersifat penyelesaian masalah. Pembaca bukan sekadar membaca kata-kata tetapi sebenarnya membaca idea yang cuba disampaikan penulis. Justeru, penafsiran memainkan peranan yang hebat dalam proses membaca. Beliau turut menyebut kosa kata boleh juga dikenal pasti dengan pengklasifikasian, pengkategorian dan konseptualisasi. Manusia menggolongkan sesuatu yang dicerap dengan berdasarkan perbezaan dan persamaan.

Mohammed Rhalmi (2013) dalam artikelnya, '*Guessing Meaning From Context*' menjelaskan bahawa sesuatu kosa kata itu boleh ditafsirkan dengan menggunakan petanda kontekstual atau *contextual clues*. Konteks yang



terdapat dalam teks tersebut boleh bersifat linguistik mahupun situasi. Justeru, para pelajar boleh mentafsirkan sesuatu kosa kata dengan menggunakan makna kata-kata lain yang ada di sekitar kosa kata tersebut, pembentukan kosa kata itu sendiri dan latar situasi yang terkandung dalam teks. Beliau juga telah menyenaraikan 7 teknik tafsiran makna kosa kata yakni dengan berdasarkan sinonim dan definisi, antonim dan perbandingan, sebab dan akibat, bahagian kosa kata tersebut dalam ayat, contoh-contoh yang diberi, pembentukan kata dan pengetahuan am pembaca.

Allen J. (1999) dalam bukunya *'Words, Words, Words: Teaching Vocabulary in Grades 4–12'* mengatakan bahawa para pembaca yang bermasalah dalam memahami teks bacaan sebenarnya lemah dalam etimologi sesebuah kata. Beliau mengambil contoh bahasa Yunani dan Latin yang mendasari kebanyakan imbuhan dalam bahasa Inggeris. Para pelajar bahasa Inggeris lemah dalam memahami sesuatu imbuhan kerana mereka tidak mengerti maksud asal imbuhan itu dalam bahasa Yunani. Setelah seorang guru bahasa Inggeris berjaya memerancah pengajaran imbuhan yang baik, barulah para pelajarnya dapat menghubungkaitkan pelbagai perkataan yang mempunyai imbuhan yang sama. Pengajaran imbuhan secara langsung dengan berdasarkan konteks tersebut berjaya membantu pelajar dalam menganalisis sesuatu kosa kata baharu. Pembelajaran dan pengulang-kajian imbuhan-imbuhan lazim juga boleh mempersiapkan pelajar dalam menghadapi konteks-konteks yang berbeza dalam bacaan mereka.

Berdasarkan kajian yang telah diutarakan oleh para pengkaji, kajian ini akan mengaplikasikan strategi yang dikemukakan oleh Mohammed Rhalmi dan Allen (2013). Perbincangan lanjut mengenai ciri dan strategi ini akan dibincangkan dalam kaedah kajian.

## **KAEDAH KAJIAN**

Satu kajian pengajaran telah dijalankan oleh guru-guru Sekolah Anglo-Chinese (Barker Road) dan Sekolah Menengah First Toa Payoh demi menangani masalah pentafsiran kosa kata.



### Subjek Kajian

Seramai 10 pelajar Menengah Satu Ekspres Sekolah Anglo-Chinese (Barker Road) dan 4 pelajar Menengah Satu Ekspres Sekolah Menengah First Toa Payoh telah dijadikan subjek kajian.

### Instrumen Kajian

Pengumpulan data secara kuantitatif telah dilaksanakan. Guru-guru dari Sekolah Anglo-Chinese (Barker Road) telah mendapati 78% pelajar menengah satu Ekspres telah gagal dalam bahagian Pemahaman Subjektif yakni bahagian kosa kata. Untuk memastikan lagi dapatan tersebut, ujian Pemahaman Subjektif kedua dijalankan kepada golongan pelajar yang sama dan didapati jumlah peratusan yang gagal dalam bahagian kosa kata telah meningkat menjadi 89%.

Guru-guru Sekolah Menengah First Toa Payoh pula telah menjalankan analisis ke atas Ujian Umum Bahasa Melayu Menengah 1 Ekspres dan mendapati 100% pelajar gagal dalam bahagian kosa kata dengan peratusan 80% mendapat markah 0 dan 20% mendapat markah 1.

### Prosedur Kajian

Sesebuah kajian pengajaran itu terdiri daripada 7 langkah dan dipatuhi oleh para pengkaji dalam kajian pengajaran ini. Ketujuh-tujuh langkah tersebut ialah:

1. Menetapkan Matlamat
2. Perancangan
3. Pemantauan
4. Ulasan dan Penyemakan
5. Pengulangan langkah 3 dan 4
6. Pencerahan
7. Perkongsian




Berdasarkan data yang terkumpul, para pengkaji telah menetapkan matlamat jangka pendek dan matlamat jangka panjang kajian. Matlamat jangka pendek adalah untuk membantu para pelajar Menengah Satu Ekspres lulus dalam bahagian kosa kata bagi Pemahaman Subjektif dan menaikkan peratusan pelajar yang boleh lulus dengan cemerlang dalam Kertas Peperiksaan Bahasa Melayu. Matlamat jangka panjang adalah untuk memudahkan para pelajar dalam pembacaan mereka apabila mereka berhadapan dengan kosa kata yang sukar.

Dari segi perancangan, para guru dari kedua-dua sekolah telah bertemu dan berbincang tentang teknik-teknik yang boleh digunakan oleh para pelajar. Teknik-teknik yang disarankan bertitik-tolak daripada sorotan literatur yang dijalani oleh setiap guru. Hasil perbincangan tersebut menunjukkan bahawa para pelajar sebenarnya menghadapi masalah dari segi pemahaman. Petanda Kontekstual (PetaK) merupakan kunci jawabannya.

PetaK atau *clues* dalam bahasa Inggerisnya, boleh dikesan oleh setiap pembaca dalam semua wacana bertulis. PetaK inilah yang boleh membantu para pembaca untuk mengagak maksud sesuatu kosa kata yang sukar itu. Petanda kontekstual tersebut boleh dibahagikan kepada 3 jenis yang disingkatkan menjadi (I-M-Sak) seperti mana yang tertera di bawah:

Rajah 1: Petanda Kontekstual



Petanda kontekstual tersebut boleh dikenal pasti melalui 4 tahap yakni dimulai dengan Kata, Ayat, Perenggan dan Perenggan Sebelumnya. Kesemuanya boleh dirangkumkan dalam sebuah rajah yang dipanggil (Piramid PetaK).

Rajah 2: Piramid PetaK



Setelah menetapkan teknik yang menjadi sandaran kajian pengajaran, para pengkaji telah menyiapkan satu Rancangan Pengajaran (RP) yang asas. RP tersebut telah diubah suai oleh kedua-dua sekolah mengikut profil pelajar kedua-dua sekolah.

Pemantauan merupakan ciri utama dalam sesebuah Kajian Pengajaran. Para guru akan memantau tindak balas para pelajar terhadap pengajaran demi memastikan keberkesanan teknik yang diajar itu. Bagi pemantauan kitaran pertama kajian ini, rakaman video telah dibuat di samping pemantauan oleh anggota pasukan Kajian Pengajaran. Hal ini membolehkan guru-guru yang bukan dari sekolah yang sama memantau secara maya. Semasa pemantauan dibuat, anggota pasukan Kajian Pengajaran telah mencatatkan tindak balas para pelajar terhadap pengajaran tersebut. Setelah pemantauan, para guru telah sama-sama duduk berbincang dan mengulas serta memberikan pandangan mengenai pemantauan kitaran pertama mereka.

Anggota pasukan telah berkongsi beberapa aspek pengajaran yang berkesan agar boleh diguna pakai oleh setiap sekolah. Antaranya ialah bahagian induksi yang berkesan oleh Sekolah Anglo-Chinese (Barker Road). Dari segi kelemahan, anggota pasukan telah mendapati bahawa para pelajar setiap sekolah berasa bosan apabila pengajaran dibuat menggunakan kertas,



pen dan alat penyerlah sahaja. Justeru bagi kitaran kedua, setiap anggota pasukan bersetuju untuk menggunakan ICT sebagai wahana penyampaian teknik PetaK.

Bagi kitaran kedua, anggota pasukan telah menggunakan *GoogleDocs* untuk membolehkan para pelajar bekerjasama dalam talian. Anggota pasukan penggunaan juga telah menyarankan tentang penggunaan warna dalam mengenal pasti IMSak dan Piramid PetaK.

Setelah pemantauan dibuat, anggota pasukan telah berbincang sekali lagi untuk mengulas sambutan para pelajar dalam kitaran kedua. Kali ini, sambutan para pelajar lebih memberangsangkan. Mereka kelihatan bersemangat dan mudah mengikuti pengajaran. Setiap latihan yang diberikan dapat diselesaikan dengan baik dan pantas.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan peningkatan dari segi peratusan jumlah PetaK yang dikesan oleh pelajar. Dalam teks pertama, hanya 42.9% PetaK berjaya dikesan. Namun peratusannya meningkat dalam teks kedua dan ketiga, yakni 83.3% dan 100%. Hal ini terjadi setelah pelajar dapat menggarap dengan lebih kukuh lagi konsep IMSak dalam mengenal pasti PetaK. Walaupun ada penurunan peratusan PetaK yang dikesan, para pelajar sebenarnya telah berjaya mengesan 3 daripada 4 PetaK yang terkandung dalam teks tersebut.

Jadual 1: Dapatan Kajian

| Teks               | Jumlah PetaK | Jumlah PetaK yang dikesan | %    |
|--------------------|--------------|---------------------------|------|
| 1                  | 7            | 3                         | 42.9 |
| 2                  | 6            | 5                         | 83.3 |
| 3                  | 4            | 4                         | 100  |
| 4                  | 4            | 3                         | 75.0 |
| Jumlah Keseluruhan | 21           | 15                        | 71.4 |





Berdasarkan strategi yang dijalankan, pelajar dapat mengenal pasti PetaK yang menjadi kunci penyelesaian bagi masalah pembacaan mereka. Dapatan ini juga selaras dengan strategi pakar dalam menggunakan ciri-ciri seperti IMSak untuk mengenal pasti PetaK.

## KESIMPULAN

Dengan menggunakan teknik PetaK, para pelajar lebih mudah mentafsir makna kosa kata yang dijumpai dalam teks pemahaman. Dengan sokongan ciri-ciri seperti IMSak dan Piramid Petak, tumpuan pelajar lebih terjurus dalam mengesan PetaK. Saranan-saranan yang dikemukakan oleh Mohammed Rhalmi dan Allen J. telah terbukti berkesan dalam mentafsir makna kosa kata yang sukar. Alat bantu mengajar seperti *Googledocs* pula telah berjaya menarik minat pelajar untuk menghayati konsep PetaK dengan lebih berkesan. Oleh itu, dapatan kajian ini memenuhi objektif kajian.

Guru-guru berikut turut serta dalam kajian yang dijalankan.

- Hasnah Hassan
- Noreen Mahmood
- Norhashikin Salim
- Nurul Ariqafitri Jumari



## RUJUKAN

- Allen J. (1999). *Words, Words, Words: Teaching Vocabulary in Grades 4–12*. York: ME Stenhouse.
- Kinsella K., Stump C.S. dan Feldman K. dari Pearson (2002). *Strategies For Vocabulary Development*. Dipetik pada 17 Mei 2014 dari [http://www.phschool.com/eteach/language\\_arts/2002\\_03/essay.html](http://www.phschool.com/eteach/language_arts/2002_03/essay.html)
- Kurland Dan (2000). *How the Language Really Works: The Fundamentals of Critical Reading and Effective Writing*. Dipetik pada 16 Mei 2014 dari <http://www.criticalreading.com/words.htm>
- Kurland Dan (2000). *How the Language Really Works: The Fundamentals of Critical Reading and Effective Writing*. Dipetik pada 16 Mei 2014 dari [http://www.criticalreading.com/inference\\_reading.htm](http://www.criticalreading.com/inference_reading.htm)
- Mohammed Rhalmi (2013). *Guessing Meaning from Context*. Dipetik pada 17 Mei 2014 dari <http://www.myenglishpages.com/blog/guessing-meaning-from-context/>

